

ROYCE ENEMA

Glycerin dan Sodium Chloride (25% w/v / 15% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Royce Enema
2. Bagaimana Royce Enema berfungsi
3. Sebelum mengambil Royce Enema
4. Cara menggunakan Royce Enema
5. Semasa menggunakan Royce Enema
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Royce Enema
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Royce Enema

Royce Enema digunakan untuk rawatan sembelit.

Bagaimana Royce Enema berfungsi

Glycerin menggalakkan pergerakan usus dan pengosongan bahagian bawah usus dengan kesan iritasinya.

Sodium chloride adalah garam hempedu yang terlibat dalam mengekalkan tekanan osmosis darah dan perubahan bendalir.

Sebelum mengambil Royce Enema

-Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda mempunyai alahan/ alergi terhadap glycerin atau bahan-bahan lain di dalam ubat ini.
- Jika anda adalah kanak-kanak berumur kurang daripada 6 tahun.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil mana-mana ubat.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang atau pernah menghidap penyakit/ keadaan berikut:

- Kegagalan fungsi buah pinggang.
- Penyekatan saluran kalsium (mencegah kalsium menjadi sel-sel otot licin), diuretik, atau ubat-ubatan lain yang boleh mengganggu tahap elektrolit.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini hanya untuk kegunaan rektum sahaja. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil

sebarang ubat-ubatan, ini termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Doktor anda mungkin perlu menukar dos ubat-ubat anda yang lain atau mengambil langkah berjaga-jaga yang lain.

Cara menggunakan Royce Enema

-Berapa banyak harus digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihati anda berapa dos yang perlu diambil setiap hari dan berapa lama anda perlu mengambilnya. Ini bergantung kepada keadaan anda dan sama ada anda mengambil sebarang ubat lain.

Dos yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Untuk kegunaan rectum sahaja.

Satu dos (satu ampul) untuk setiap kali. Sekiranya tiada sebarang reaksi pada usus bermula selepas setengah jam, dos lain hendaklah diberi. Buka penutup, masukkan hujung mulut ke dalam dubur dan tekan untuk mengeluarkan kandungannya dari ampul. Hentikan penggunaan jika rintangan ditemui. Penggunaan enema secara paksaan boleh menyebabkan keedaran.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan memberitahu sama ada ianya bersesuaian untuk anda menggunakan Royce Enema mengikut jenis keadaan yang anda hidapi.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Royce Enema selagi disyorkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai apa yang perlu dilakukan sekiranya anda terlupa mengambil dos anda. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat pada masa yang dijadualkan seterusnya. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan bantuan perubatan kecemasan di hospital terdekat jika anda fikir anda atau orang lain telah menggunakan terlalu banyak ubat ni walaupun tiada simptom keracunan kerana anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Royce Enema

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti yang diberitahu oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Redamol Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor.
- Jangan ambil ubat-ubatan baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan beri Royce Enema kepada orang lain walaupun mereka mempunyai tanda-tanda atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Rawatan perlu diberhentikan jika kerengsaan teruk wujud.
- Penggunaan berterusan mungkin menyebabkan ketagihan.
- Tidak digunakan pada orang dewasa dan kanak-kanak di atas 6 tahun dengan penyakit parasit usus (keadaan di mana parasit menjangkiti saluran usus).

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Royce Enema juga mungkin mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diinginkan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan dibawah semasa mengambil ubat ini:

- Kerengsaan usus perut.
- Iritasi berlaku pada sekitar dubur.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549 atau laman web npra.moh.gov.my (*Consumer Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Royce Enema

-Penyimpanan

Simpan di tempat yang kering di bawah suhu 30°C. Jauhi ubat-ubatan dari kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Sejenis cecair jernih tanpa warna.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Glycerin and sodium chloride.

Bahan-bahan tidak aktif:

Purified water.

-Nombor MAL

MAL19910319X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Royce Pharma Manufacturing Sdn. Bhd.

PT 1663, Nilai Industrial Estate, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/05/2018

Nombor Siri

NPRA(R4/1)180518/00161